

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**  
**TARIKH : 18.5.2015 (ISNIN)**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA SAMARAHAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci hasil tindakan kementerian dalam menguatkuasakan kenaikan harga barang berikutan terdapat sesetengah pengusaha, pekedai, ataupun peruncit yang menaikkan harga barang sesuka hati dengan alasan pelaksanaan GST.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan gerak gempur antipencatutan melalui **OPS CATUT Fasa 1** yang telah bermula pada **15 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015** manakala **OPS CATUT Fasa 2** bermula daripada **1 April 2015** sehingga kini.

Operasi ini adalah satu tindakan penguatkuasaan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** ke atas keseluruhan rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani tindakan oleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan caj perkhidmatan tanpa sebab yang munasabah dengan menggunakan alasan GST.

Pelaksanaan **OPS CATUT Fasa 1** telah memeriksa sebanyak **597,833 premis perniagaan** di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **2,871 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM492,137** dan nilai kompaun sebanyak **RM335,166**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **286 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Sehingga **14 Mei 2015**, **OPS CATUT Fasa 2** telah memeriksa sebanyak **283,245 premis perniagaan** di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **815 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM134,830** dan nilai kompaun sebanyak **RM122,250**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **819 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dalam operasi bersepadu menerusi **OPS PEMATUHAN GST-CATUT** bermula **1 hingga 15 April 2015**.

**Pengeluaran Notis** dibuat di bawah seksyen 21 AKHAP 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini.

Sehingga **14 Mei 2015**, sebanyak **8 kes** telah **didakwa dan dikompaun** di bawah **seksyen 14(1)** dan **seksyen 21(5)** AKHAP 2011 iaitu 2 kes di Melaka, 2 kes di Pulau Pinang, 1 kes di Kelantan, 1 kes di Putrajaya, 1 kes di Johor dan 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.